

02 JUN 1998

KULIM HI-TEKNOLOGI/I

TAMAN TEKNOLOGI TINGGI KULIM BERJAYA TARIK PELABURAN RM15 BILION

KUALA LUMPUR, 2 Jun (Bernama) -- Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) di Kedah telah berjaya menarik pelaburan yang bernilai kira-kira RM15 bilion daripada syarikat multinasional dan akan terus menerima sokongan menggalakkan, kata pengarah urusan Kulim Technology Park Corporation Sdn Bhd (KTPC), Ahmad Shukri Tajuddin hari ini.

Sambutan terhadap projek itu adalah menggalakkan dan KTPC, pemaju dan pengurus taman teknologi tinggi itu sedang menilai beberapa permohonan bagi pelaburan selanjutnya dalam taman itu yang bernilai antara RM2 bilion dan RM3 bilion, katanya.

Kebanyakan permohonan adalah daripada syarikat berpangkalan di Amerika Syarikat, kata Ahmad Shukri kepada pemberita selepas majlis pemeteraian peruntukan bagi penyelesaian rangkaian kerja untuk taman itu.

Beliau mengaitkan minat terhadap taman itu kepada kemudahan prasarana dan teknologi serta penurunan nilai ringgit ketika ini.

Setakat ini 27 syarikat membuat pelaburan mereka dalam fasa pertama dan kedua KHTP, kata Ahmad Shukri. Beliau menolak sebarang kemungkinan penangguhan pelaburan daripada para pelabur.

"Sebahagian daripada pelabur sudahpun memulakan operasi mereka," katanya sambil memberi contoh komitmen Jepun dengan dua daripada lima syarikat negara itu sudah memulakan operasi.

Apabila ditanya berapa lama ia akan mengambil masa untuk menilai permohonan pelaburan, beliau berkata yang paling awal akan mengambil masa antara tiga hingga empat bulan. Sesetengahnya mungkin mengambil masa dua hingga tiga tahun.

Taman Teknologi Tinggi Kulim yang bernilai RM1.2 bilion dan dianggap sebagai "Bandar Sains Masa Depan" adalah idea yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di majlis pemeteraian itu, 3Com Asia Ltd (Malaysia) dan Stacks Technology Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan Kulim Technology Management Sdn Bhd (KTM), 80 peratus dimiliki oleh KTPC, untuk menyediakan penyelesaian rangkaian kerja bagi taman berkenaan.

3Com, peneraju rangkaian kerja global akan menyediakan perkakasan, pengetahuan teknikal dan latihan bagi KTM.

Stacks, penyepadu sistem rangkaian kerja yang sah bagi 3Com, akan berfungsi sebagai penyepadu rangkaian dalam pemasangan sistem kabel rangkaian kerja, Sistem Rangkaian Setempat (LAN) dan Sistem Rangkaian Meluas (WAN). Ia juga menyediakan rangkaian berkaitan untuk melatih kaki tangan dan penyewa KTM di taman itu.

Projek pembangunan rangkaian kerja itu akan dilaksanakan dalam dua fasa dan fasa pertama pembangunan menelan kos RM1.5 juta, kata pengurus besar kumpulan KTM, Mazlee Md Ramli.

Fasa pertama yang termasuk pembinaan prasarana perkakasan dan perisian, akan beroperasi menjelang bulan hadapan, katanya.

Fasa kedua akan merangkumi perlaksanaan aplikasi perkhidmatan masyarakat-elektronik yang menawarkan perkhidmatan kemudahan, latihan dan runding cara kepada penyewa dan pelanggan taman itu, kata Mazlee.

-- BERNAMA

LES ZK MA